

KERATAN AKHBAR BULAN OKTOBER 2021
BERITA HARIAN

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.10.2021	'Pihak Swasta Tidak Pernah Simpan Data'	2
2.	02.10.2021	Penguatkuasa Mengaku Tak Bersalah Terima Sogokan RM1,400	3
3.	02.10.2021	Dua Kakitangan Bank Dituduh Rasuah RM59,250	4
4.	03.10.2021	SPRM Tahan CEO Syarikat – Projek uCustoms JKDM	5
5.	11.10.2021	KP MITRA Tiada Budi Bicara Pertimbang Mohon Geran	6
6.	15.10.2021	Ahli Parlimen Labuan Didakwa Guna Kedudukan Dapat Kontrak	7
7.	16.10.2021	Bekas Pegawai Imigresen Didenda RM5,000	8
8.	21.10.2021	Arul Kanda Tak Dihalang Hadiri Prosiding PAC	9
9.	23.10.2021	'Najib Arah Zahid Lanjut Kontrak UKSB' – Kes Projek Sistem Visa Luar Negara, eVisa	10
10.	29.10.2021	Syor Susun Perancangan Projek Elak Ketirisan – LKAN Tahun 2020	11
11.	29.10.2021	PAC jangka Prosiding Projek MKN Disember Ini – LKAN Tahun 2020	12
12.	29.10.2021	Ketidakpatuhan Punca Kerajaan Rugi RM620.07 J – LKAN Tahun 2020	13
13.	29.10.2021	Kelemahan PLKS Punca Imigresen 'Hilang' – LKAN Tahun 2020	14
14.	29.10.2021	Faedah Pelaburan Penyumbang Utama Hasil Bukan Cukai – LKAN Tahun 2020	15

Berita Harian | 1 October 2021 | Page 21

‘Pihak swasta tidak pernah simpan data’

Bukit Kayu Hitam: Kementerian Dalam Negeri menegaskan yang pihak swasta tidak pernah diberikan tugas menyimpan data dan maklumat peribadi rakyat negara ini, sebaliknya semua tugas itu dilakukan agensi kerajaan berkaitan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, menegaskan yang dakwaan menyatakan pihak swasta melakukan tugas itu adalah hanya andaian pihak tertentu, sedangkan ia tidak pernah berlaku.

“Semalam (kelmarin) saya sudah jawab isu berkaitan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ini, saya sudah maklum kita hanya beri (tugas penyimpanan data dan maklumat peribadi) kepada agensi kerajaan.

“Kita tidak beri kepada pihak swasta, semua itu (dakwaan penyimpanan data dan maklumat peribadi oleh pihak swasta) hanya andaian semata-mata,” katanya pada sidang media di Kompleks Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyaksi-kan Majlis Penyerahan AKSEM kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut dihadiri Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani.

Kelmarin, JPN mengesahkan tiada sebarang kebocoran dan ketirisan maklumat dalam pangkalan data peribadi MyIdentity dengan sistem kawalan keselamatan data FireWall sangat kukuh melindungi semua maklumat pe-

ribadi rakyat.

Susulan itu, polis menjalankan siasatan mengenai kebocoran empat juta data peribadi rakyat Malaysia yang lahir sejak 1979 hingga 1998 yang didakwa dari sistem MyIdentity.

Mengulas hasil siasatan polis kes kehilangan wang AS\$6.94 juta (RM29 juta) membabitkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Hamzah berkata kes itu sedang disiasat secara terperinci oleh polis.

Kelmarin, Jabatan Peguam Negara memaklumkan Bahagian Pendakwaan agensi itu menerima kertas siasatan berhubung kes berkaitan kehilangan wang AS\$6.94 juta (RM29 juta) daripada SPRM.

Pada 23 September lalu, BERNAMA melaporkan PDRM akan memanggil tiga pegawai kanan SPRM yang sebelum ini direman enam hari oleh suruhanjaya itu bagi melengkapkan siasatan berhubung kehilangan wang terbabit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, dilaporkan berkata, pihaknya juga akan memanggil pemilik wang itu, bekas Ketua Pengarah Organisasi Perisikan Luar Malaysia (MEIO), Datuk Hasanah Abdul Hamid.

Sementara itu, Hamzah berkata, Pasukan Gerakan Am (PGA) kini menjadi agensi tunggal dalam penugasan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan negara susulan penstrukturan AKSEM ke dalam PDRM mulai semalam.

Berita Harian | 2 October 2021 | Page 20

Penguat kuasa mengaku tak bersalah terima sogokan RM1,400

Kuantan: Seorang anggota penguat kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Bentong, mengaku tidak bersalah terhadap enam tuduhan menerima sogokan wang tunai berjumlah RM1,400 tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Faris Romle, 36, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Majistret, Nurul Farahah Mohd Suah.

Tertuduh yang bertugas di Unit Penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah Bentong, didakwa menerima sogokan tunai itu dalam transaksi secara dalam talian daripada seorang wanita, Rokiah Haron, yang diketahuinya mempunyai kaitan dengan tugasnya.

Dia didakwa menerima RM300 pada 10 Februari tahun lalu, diikuti RM300 pada 17 Februari dan RM400 pada 6 Mac.

Faris yang tinggal di Bentong, didakwa menerima RM100 dalam dua lagi transaksi pada 8 Julai dan RM200 pada 17 September, menerusi sebuah institusi kewa-

ngan di Bentong.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abiddin, menawarkan jaminan berjumlah RM5,000 bagi semua pertuduhan yang dikenakan itu dan memohon tarikh sebutan semula untuk membolehkan tertuduh melantik peguam bela.

Faris dalam rayuannya, memohon supaya dibenarkan ikat jamin yang rendah kerana hanya berpendapatan RM1,500 sebulan, selain perlu menyara isteri dan dua anak serta keluarga.

Majistret Nurul Farahah menetapkan jaminan RM5,000 bagi semua tuduhan itu dengan seorang penjamin, serta 1 November ini untuk sebutan semula kes berkenaan di Mahkamah Sesyen.



Mohd Faris dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuantan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang)

Berita Harian | 2 October 2021 | Page 20

Dua kakitangan bank dituduh rasuah RM59,250



Ahmad Salahudin (kanan) dan Yusni didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

Shah Alam: Dua kakitangan sebuah bank didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan menerima rasuah berjumlah keseluruhan RM59,250 bagi membantu proses permohonan pembiayaan peribadi beberapa individu pada 2019.

Tertuduh, Ahmad Salahudin Abu Bakar, 42, dan Yusni Yusof, 45, yang masing-masing didakwa dengan lima pertuduhan utama serta lima pertuduhan pilihan, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rihaida Rafie.

Mengikut lima kertas pertuduhan utama, Ahmad Salahudin, iaitu Ketua Unit Pembiayaan bank didakwa menerima wang RM31,100, manakala Yusni, iaitu

kerani tingkatan khas unit pembiayaan menerima RM28,150 secara berperingkat daripada seorang lelaki berusia 28 tahun.

Ahmad Salahudin didakwa menerima wang melalui akaun bank syarikat miliknya, manakala Yusni menerusi akaun persendirian sebagai dorongan untuk kedua-dua tertuduh membantu proses permohonan pembiayaan peribadi enam individu berusia 27 hingga 41 tahun.

Justeru, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai sua-

pan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Kedua-dua tertuduh juga masing-masing didakwa lima pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mereka didakwa melakukan kesalahan di dua bank di Kajang dan Seri Kembangan antara 6 September hingga 1 November 2019.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Noryusriza Zulkifli, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Muhammad Shafiq Shamsudin.

Sebutan semula kes bagi kedua-dua tertuduh ditetapkan pada 16 November depan.

Berita Harian Ahad | 3 October 2021 | Page 1,15



SPRM tahan CEO syarikat dikaitkan dengan projek sistem uCustoms

Nasional 15

Kegagalan projek sistem uCustoms JKDM

SPRM tahan CEO syarikat

Suspek ditahan selepas hadir ke ibu pejabat bantu siasatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat yang dikaitkan dengan projek sistem uCustoms, yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), baru-baru ini.

Lelaki berusia 56 tahun itu ditahan malam kelmarin, selepas hadir ke ibu pejabat SPRM untuk membantu siasatan. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi *BH* menegaskan penahanan itu.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) antara yang akan dipanggil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi

menjelaskan kegagalan menyiapkan sistem uCustoms bernilai RM397.43 juta, sehingga kini.

Ia berikutan pembangunan sistem itu masih gagal disiapkan dengan perkembangan projek hanya mencapai 27.2 peratus dan kontrak tidak diperbaharui apabila tamat pada 31 Disember tahun lalu. Klausula 6(a) Kontrak Utama uCustoms menetapkan sistem itu perlu disiapkan dalam 24 bulan bermula 25 Oktober 2013 hingga 24 Oktober 2015.

LKAN 2019 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Rabu lalu, menyatakan klausula kontrak menetapkan pembangunan dan ujian aplikasi penggunaan, pelancaran dan pengurusan perubahan dilaksanakan ketika pembangunan sistem," menurut LKAN.

Laporan itu juga menyatakan objektif pembangunan sistem uCustoms ialah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan perkhidmatan dan institusi perdagangan yang berdaya saing serta memenuhi piawaian antarabangsa melalui gerbang tunggal sistem elektronik yang cepat, selamat,

berintegriti dan mesra pelanggan.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid pada sidang media bersama Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Wong Kah Woh di bangunan Parlimen sebelum ini, menyifatkan isu menababkan uCustoms dicatatkan sebagai pembaziran tertinggi dalam laporan itu.

Jabatan Audit berpendapat kemahiran teknikal yang lemah oleh kontraktor adalah sebab utama projek itu gagal. Laporan itu juga mendedahkan sebanyak 13 baucar bayaran bagi pembangunan sistem uCustoms berjumlah RM64.89 juta tidak dapat disahkan kerana dokumen lengkap tidak dilampirkan.

Menurut laporan itu, dokumen seperti minit mesyuarat JTPuC penting bagi menentukan kelulusan terhadap tuntutan bayaran dan ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap boleh mengakibatkan pembayaran dibuat di luar skop atau perkhidmatan.

Pendapat audit memaklumkan pembayaran tidak dilaksanakan dengan teratur dan berlaku pem-

bayaran tidak wajar berjumlah RM64.89 juta kerana tidak disokong dokumen berkaitan. Semakan audit mendapati hanya 29 baucar berjumlah RM200.69 juta dapat disahkan kerana ada dokumen sokongan lengkap.

Kah Woh sebelum ini dipetik berkata, kerajaan setakat ini sudah membayar RM272.99 juta bagi projek yang dimulakan pada Oktober 2013 itu yang diberi perlanjutan sehingga lima kali.

Dalam perkembangan lain, Azam meminta JKDM menyalurkan maklumat serta hasil siasatan sekiranya berlaku ketirisan proses membawa masuk sisa berjadual ke negara ini.

Beliau berkata, setakat ini SPRM masih belum menerima maklumat baharu berhubung perkara itu, namun bersedia untuk bekerjasama dengan agensi dan jabatan yang terbabit.

"Kes sisa berjadual kita pernah siasat dan ambil tindakan sebelum ini. Biar pihak kastam buat siasatan di bawah bidang kuasa mereka terlebih dahulu," katanya kepada *BH* semalam.

Semalam, *BH* melaporkan, Ke-



tua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir, berkata syarikat yang menyeludup sisa buangan berjadual ke negara ini didapati memalsukan kod kastam dengan menggunakan kod komoditi (HS) bagi barangan lain untuk mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

Katanya, tindakan memalsukan kod kastam itu diklasifikasikan sebagai deklarasi palsu.

Sebelum ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendedahkan ada syarikat tempatan, termasuk yang ditubuhkan bersama pelabur asing memalsukan kod kastam untuk membawa masuk sisa berjadual ke negara ini.

Ketua Pengarah JAS, Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, dilaporkan berkata, Malaysia kini menjadi antara negara yang dijadikan pusat memproses sisa buangan berjadual untuk dijadikan jongkong sebelum dieksport ke negara lain terutama China.

Sebanyak 77 jenis buangan berjadual disenaraikan di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Berita Harian | 11 October 2021 | Page 11

KP MITRA tiada budi bicara pertimbangan mohon geran

Jawatankuasa pemantauan bertanggungjawab buat penilaian, beri kelulusan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Perpaduan Negara atau Ketua Pengarah Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) tiada budi bicara untuk mempertimbangkan mana-mana permohonan geran di bawah unit berkenaan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata sebaliknya hanya Jawatankuasa Penilaian Prog-

ram MITRA dan Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk memberi kelulusan berkaitan perkara berkenaan.

"Permohonan yang diterima MITRA akan melalui proses tapisan oleh urus setia di MITRA terlebih dahulu sebelum dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Penilaian Program MITRA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

"Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan seterusnya membuat keputusan berseutu atau tidak berseutu ke atas permohonan yang dibentangkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Halimah berkata, seterusnya

Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA yang juga dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN akan membuat pamtan ke atas pelaksanaan prog-

ram yang diluluskan bagi memastikan pelaksanaan adalah mengikut terma dan syarat serta mencapai KPI yang ditetapkan.

Katanya, bagi program yang tidak dilaksanakan mengikut terma dan syarat, kerajaan berhak menamatkan perjanjian dan menuntut bayaran balik daripada pihak yang berkaitan.

"Pihak menteri mahupun ketua pengarah tiada sebarang peranan dalam kelulusan geran MITRA kerana kuasa untuk memberi kelulusan geran diletakkan sepenuhnya di bawah Jawatan-

kuasa Penilaian Geran MITRA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.

"Berhubung isu tular berkaitan pengurusan Geran Kewangan MITRA ini, KPN bersedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Beliau turut menjelaskan, MITRA diletakkan sepenuh di bawah KPN mulai April tahun lalu dan Ketua Pengarahnya adalah M Magalingam yang dilantik di bawah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy ketika itu.

Jelasnya, Magalingam berkhidmat sebagai Ketua Pengarah MITRA sehingga kontraknya tamat pada 30 Jun lalu.

"Sebelum MITRA diletakkan di bawah KPN, urusan kelulusan geran berada di bawah bidang kuasa menteri dan ketua pengarah," katanya.



Halimah

Berita Harian | 15 October 2021 | Page 16



Rozman (kiri) di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Ahli Parlimen Labuan didakwa guna kedudukan dapat kontrak

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan mendapatkan kontrak pekerjaan bagi syarikat di mana bapa dan adiknya mempunyai kepentingan.

Rozman, 57, yang juga Ketua Whip Parti Warisan Sabah (WARISAN), mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Rozman sebagai pegawai badan awam, iaitu Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan didakwa menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan, iaitu kontrak pekerjaan sebagai operator Dermaga Merdeka Pelabuhan Labuan.

Kontrak itu bagi Syarikat Liberty Port Management Sdn Bhd, yang mana bapa dan adiknya mempunyai kepentingan dalam syarikat berkenaan.

Rozman dituduh melakukan kesalahan itu di Bilik Mesyuarat TKSU, Aras 9, Kementerian Pe-

ngangkutan, Jalan Tun Hussein, Presint 4, Putrajaya, antara jam 2.30 dan 5.30 petang, pada 21 Mac 2018.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, menawarkan jaminan sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin dan passport diserahkan kepada mahkamah. Jaminan itu tidak dibantah peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Rozman.

Rozina membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin di Semenanjung, berserta syarat tambahan passport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah kemudian menetapkan 19 November ini untuk sebutan semula kes.

Bekas pegawai Imigresen didenda RM5,000

Seremban: Bekas Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen Negeri Sembilan didenda RM5,000 di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, selepas mengaku bersalah menggunakan dokumen palsu berkaitan nota penerimaan bekalan dan perkhidmatan bagi jabatan berkenaan, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Nurshima Mislan, 45, yang ketika kejadian bertugas sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen Negeri Sembilan Gred M44 membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Madiah Harullah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan. Bagaimanapun tertuduh membayar denda yang dikenakan.

Nurshima yang bertugas di Jabatan Imigresen Negeri Sembilan sejak 2018, didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu "Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan bernombor dokumen FN180000000790023 yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen berkenaan adalah palsu.

Kes 1MDB

Berita Harian | 21 October | Page 18

Arul Kanda tak dihalang hadiri Prosiding PAC

**Bekas CEO pernah
hadir mesyuarat
bincang Laporan
Akhir Audit
1MDB pada 2016**

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy tidak pernah dihalang daripada hadir pada Prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), untuk memberikan penjelasan berhubung Laporan Akhir Audit 1MDB.

Bekas Pengarah Jabatan Audit Negara, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, berkata sepanjang pengetahuannya, beliau atau mana-mana pihak lain tidak pernah menghalang Arul Kanda daripada berbuat demikian.

Saksi pendakwaan ketujuh itu berkata demikian, ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan semula.

Saadatul Nafisah berkata, pada mesyuarat 25 Februari 2016 bagi membincangkan mengenai Laporan Akhir Audit 1MDB, Arul Kanda hadir mesyuarat berkenaan dengan membawa laporan terbabit dan meminta supaya ia dipinda.

Beliau berkata, bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang tidak hadir pada mesyuarat itu.

Menurut saksi, laporan audit terbabit dikira sebagai laporan audit khas.

Katanya, sepanjang pengalamannya dalam kes membabitkan laporan audit khas, pihak yang diaudit tidak pernah diberikan salinan laporan terbabit.

"Dalam laporan audit khas, ia

biasanya diberikan kepada pihak yang mahu mendapatkan laporan berkenaan.

"Selepas dibentang di Kabinet, barulah laporan itu diberikan," katanya.



Saadatul Nafisah
Bashir Ahmad

Sementara itu, Saadatul Nafisah menjelaskan laporan audit khas 1MDB dan laporan audit khas projek klia2 disifatkan sebagai berbentuk siasatan.

Beliau berkata, berbeza dengan laporan audit biasa yang dimulakan oleh Jabatan Audit Negara, laporan audit khas diminta oleh Jemaah Menteri atau

PAC, iaitu juruaudit diberi kuasa bukan sahaja mendapatkan maklumat daripada pihak yang diaudit, malah daripada pihak ketiga.

"Kami pernah melakukan (laporan audit khas) beberapa kali sebelum ini. Sebagai contoh, laporan audit projek klia2 yang diminta oleh Kabinet," katanya.

Disoal oleh Sri Ram, siapakah Perdana Menteri ketika laporan

audit itu dijalankan, saksi menjawab: "Datuk Seri Najib Razak (tertuduh kedua)."

Sri Ram kemudian bertanya sama ada Najib ada meminta supaya laporan itu (klia2) dipinda. Saksi itu menjawab: "Tidak."

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan pada laporan audit akhir 1MDB, sebelum dibentangkan kepada PAC untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda dituduh bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan bagi mengelak Ahli Parlimen Pekan itu dikenakan tindakan.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan di hadapan hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung 29 November ini.

Berita Harian | 23 October | Page 18

Kes projek Sistem Visa Luar Negara, eVisa

'Najib arah Zahid lanjut kontrak UKSB'

Saksi beritahu baki 3 tahun patut buat penilaian projek dikendalikan syarikat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Shah Alam: Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu bahawa tempoh tiga tahun baki kontrak Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) seharusnya digunakan untuk membuat penilaian terhadap projek Sistem Visa Luar Negara (VLN) dan eVisa yang dikendalikan syarikat itu.

Sebaliknya, Bekas Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Dasar dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Suriani Ahmad, berkata kontrak UKSB dilanjutkan dalam tempoh kurang 24 jam, walaupun masih berbaki tiga tahun.

Suriani yang kini Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

berkata demikian pada perbicaraan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung sistem VLN di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa.

Suriani berkata, kontrak UKSB masih berjalan dan ada banyak masa lagi sebelum kontrak tamat.

"Saya berpandangan perlu ada masa dan ruang untuk membuat penilaian terlebih dahulu sebab kontrak ini belum tamat lagi. Ada tiga tahun lagi, satu jangka masa yang panjang. Sepatutnya tiga tahun diberi masa untuk membuat penilaian sebelum dipertimbangkan untuk melanjutkan kontrak berkenaan," katanya.

Pada prosiding sebelum ini, Suriani pernah memberi keterangan bahawa Ahmad Zahid meluluskan permohonan lanjutan kontrak UKSB dengan kerajaan dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

"UKSB menghantar surat permohonan bertarikh 17 Oktober 2016 kepada Ahmad Zahid supaya mendapat kelulusan melanjutkan tempoh kontrak Sistem VLN dan eVisa selama enam tahun bermula 31 Oktober 2019 hingga akhir 2025," katanya.



Ahmad Zahid hadir ke Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

Sementara itu, ketika disoal oleh peguam Hamidi Mohd Noh yang mewakili Ahmad Zahid bahawa 'projek ini perlu diteruskan' adalah atas arahan siapa Suriani menjawab: "Arahan Perdana Menteri."

Suriani berkata, arahan itu berdasarkan catatan minit oleh Najib pada surat bertarikh 23 Mei 2013 yang dihantar kepada Ahmad Zahid yang menyatakan 'projek ini perlu diteruskan'.

Ketika dirujuk kepada minit bertarikh 20 Januari 2014, Suriani berkata: "Minit itu menyatakan 'YB Datuk Seri Zahid, Sila Bantu Dalam Hal ini. Kontrak ini perlu diteruskan'."

Hamidi: Ia ayat Perdana Menteri kepada Timbalan Perdana Menteri?
Suriani: Betul

Suriani turut bersetuju dengan Hamidi bahawa beliau juga akan melaksanakan arahan sekiranya diarah oleh ketuanya, Tan Sri Alwi Ibrahim yang juga Ketua Setiausaha KDN ketika itu.

Sementara itu, saksi kelima pendakwaan, bekas Penolong Setiausaha Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan

Antara Kerajaan di Pejabat Perdana Menteri, Sheeba Kunhimon, 48, berkata Ahmad Zahid menerima gaji serta elaun berjumlah RM44,383.15 setiap bulan bermula dari 2015 hingga 2018 ketika menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ahmad Zahid, 68, berdepan 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah SG\$13.56 juta daripada syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) sebagai dorongan untuk dirinya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Menteri Dalam Negeri, melanjutkan kontrak syarikat itu sebagai pengendali Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) di China dan Sistem VLN serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh KDN.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai menteri sama telah mendapatkan untuk dirinya wang tunai SG\$1,150,000; RM3,000,000; EURO15,000 dan AS\$15,000 tanpa balasan daripada syarikat sama yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi beliau.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa bersambung 20 Disember ini.

BERITA HARIAN/29 OKTOBER
2021/M.S. 3

Syor susun perancangan projek elak ketirisan

Kuala Lumpur: Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid mengesyorkan supaya kerajaan memperkemaskan perancangan projek yang ingin dilaksanakan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan dalam aspek pengurusan hutang.

Nik Azman berkata, adalah penting untuk kerajaan melaksanakan perbelanjaan berhemah bagi pelaksanaan projek yang mampu mencapai matlamat dengan perbelanjaan minimum.

“Berasaskan laporan audit terdapat beberapa projek yang belanjanya sudah dibayar 90 peratus tetapi hasilnya tiada.

“Ini ketirisan dan kerugian kepada kerajaan yang berbelanja dengan berhutang untuk membiaya projek pembangunan tetapi hasilnya tidak dicapai sepenuhnya atau tidak capai langsung.

“Oleh demikian, perancangan projek perlu diperkemaskan supaya boleh mencapai matlamatnya iaitu siap dengan kos munasabah,” katanya di Parlimen, di sini, semalam.

Penegasan Perkara (Emphasis of Matter) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berkata, hutang kerajaan Persekutuan pada 2020 berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Hutang Persekutuan meningkat RM86.562 bilion atau 10.9 peratus berbanding RM792.998 bilion atau 52.4 peratus pada 2019.

Menurut Ketua Audit Negara, sebanyak 50.4 peratus atau RM98.058 bilion daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu pada 2020 digunakan untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang.

Nasional

Jumaat, 29 Oktober 2021 BH

Laporan Ketua Audit Negara

PAC jangka prosiding projek MKN Disember ini

Isu berkait pembayaran tidak teratur Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan RM499.18j

Oleh Zanariah Abd Mutalib
dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan prosiding mengenai isu pembayaran tidak teratur membabitkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan, berjumlah RM499.18 juta.

Pengerusinya, Wong Kah Woh, berkata prosiding itu dijangka dilaksanakan bermula Disember ini.

"Kita akan memanggil saksi dahulu dan menentukan tarikh," katanya pada sidang media, di



Kah Woh (tiga dari kiri) bersama Nik Azman ketika sidang media Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat, Parlimen Ke-14, di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

Parlimen, di sini, semalam.

Sebelum ini, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, menjelaskan ketidakpatuhan Kementerian dan jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

Nik Azman dilaporkan berkata, daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur, RM499.19 juta membabitkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan di MKN.

Pada masa sama, Kah Woh berkata, PAC menyifatkan sebanyak 50.4 peratus daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu yang di-

gunakan bagi tujuan membayar balik prinsipal hutang bagi 2020 adalah suatu keadaan yang membimbangkan.

Katanya, jumlah itu juga dijangka bertambah pada tahun akan datang dan ia membimbangkan apabila kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membiayai balik prinsipal pinjaman matang.

BM Jumaat, 29 Oktober 2021

Nasional

Laporan Ketua Audit Negara

Ketidakpatuhan punca kerajaan rugi RM620.07j

Ketua Audit Negara kemuka 29 syor tindakan pembetulan, penambahbaikan

Kuala Lumpur: Ketidakpatuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur, RM499.19 juta membabitkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan di Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sementara itu, daripada RM104.79 juta kerugian wang awam, RM81.69 juta adalah penalti belum tuntutan dan tidak dikenakan Jabatan Imigresen, manakala pembaziran RM4.79 juta membabitkan peralatan lewat diterima dan tidak dipasang di Istana Budaya.

"Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara mengemukakan 29 syor, iaitu empat syor untuk pengesahan penyata kewangan dan 25 syor untuk pengauditan pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan untuk dipertimbang-

Pengauditan pematuan membabitkan sejumlah RM899.44 juta dilaksanakan terhadap tiga Kementerian dan lima jabatan Persekutuan

Nik Azman Nik Abdul Majid,
Ketua Audit Negara



kan pelaksanaannya oleh Kementerian dan jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020, yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Nik Azman berkata, pengauditan pematuan membabitkan sejumlah RM899.44 juta dilaksanakan terhadap tiga Kementerian dan lima jabatan Persekutuan, meliputi aspek pengurusan kontrak berjumlah RM772.40 juta, perolehan kerajaan (RM54.8 juta) dan kutipan hasil (RM72.24 juta).

Sementara itu, dalam Penegakan Perkara (Emphasis of Matter) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Ketua Audit Negara menyatakan, hutang Kerajaan Persekutuan pada 2020 berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM86.562 bilion atau 10.9 peratus berbanding RM792.998 bilion atau 52.4 peratus pada tahun 2019.

Menurut Ketua Audit Negara, sebanyak 50.4 peratus atau RM98.058 bilion daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu pada 2020 digunakan untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang sudah matang.

Selain itu, sejumlah RM2.65 bilion digunakan untuk membayar perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan serta penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan, yang sebelum ini dibayar menggunakan peruntukan belanja mengurus.

Sementara itu, hasil Kerajaan Persekutuan merosot 14.9 peratus kepada RM225.075 bilion pada 2020, berbanding RM264.415 bilion tahun sebelumnya, manakala perbelanjaan COVID-19 berjumlah RM38.019 bilion.

Perbelanjaan mengurus pula merosot 14.7 peratus kepada

RM224.6 bilion, iaitu penurunan sebanyak RM38.743 bilion berbanding tahun 2019, manakala perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM51.36 bilion, berkurangan sebanyak RM2.813 bilion atau 5.2 peratus berbanding RM54.173 bilion pada 2019.

Nik Azman berkata, secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada kadar 6.2 peratus, berbanding 3.4 peratus atau RM51.37 bilion pada 2019.

Nik Azman berkata, secara keseluruhannya, penyata kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Ia adalah pembentangan LKAN kedua di Dewan Rakyat tahun ini selepas LKAN Tahun 2019 Siri 2 dibentangkan pada 28 September lalu.

Jabatan Audit Negara memberi taklimat kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen, semalam berhubung isu utama penemuan Audit.

LKAN boleh diakses oleh orang awam di laman sesawang <http://www.audit.gov.my>, manakala isu dalam LKAN Pengauditan Pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 pula akan dimuat naik di Portal Auditor General's Dashboard (AGD). BERNAMA

BERITA HARIAN/29 OKTOBER 2021/M.S. 3

Kelemahan PLKS punca imigresen 'hilang' RM81.69 juta

Kuala Lumpur: Kelemahan pemantauan dan perjanjian yang tidak jelas berhubung Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) menyebabkan Jabatan Imigresen kerugian sebanyak RM81.69 juta.

Ini membabitkan penalti yang tidak dikenakan terhadap sebuah syarikat yang mengendalikannya kutipan hasil PLKS secara dalam talian, berikutan kelewatan serahan, remitan dan kesilapan mencetak pelek.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 yang dikeluarkan hari ini, jabatan itu didapati tidak mengenakan pe-

naliti terhadap kelewatan serahan pelek PLKS kepada pengguna berjumlah RM73.89 juta serta penalti kelewatan remitan dan penalti kesilapan mencetak pelek itu masing-masing berjumlah RM0.49 juta dan RM7.31 juta.

"Pengeauditan yang dijalankan di Bahagian Pekerja Asing dan Bahagian Kewangan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen bagi tahun kewangan 2020 itu turut mendapati tuntutan caj perkhidmatan PLKS oleh syarikat perkhidmatan berjumlah RM25.94 juta belum dibayar kerana kelewatan Kementerian Dalam Negeri (KDN) memuktamadkan

perjanjian tambahan," kata laporan itu.

Justeru, pihak audit mengesyorkan Jabatan Imigresen melakukan penambahbaikan dan tindakan sewajarnya bagi memastikan syarat dan klausa perjanjian dipatuhi dan dikuatkuasakan bagi menjamin kepentingan kerajaan.

"Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada pihak yang memberi kuasa.

"Jabatan Imigresen perlu mewujudkan mekanisme pemantauan secara berkala terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat berke-

naan," katanya.

Laporan itu juga menyebut pemantauan perlu dilakukan terutamanya berkaitan pelek PLKS yang rosak, lewat serah dan belum digunakan bagi memastikan ia diserahkan kepada pengguna dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disalah guna.

Selain itu, laporan berkenaan juga mengesyorkan KDN dan Jabatan Imigresen untuk memastikan perjanjian tambahan dimuktamadkan secepat mungkin bagi menjamin kepentingan kerajaan dan mengelakkan masalah pembayaran kepada syarikat terbabit.

"Tempoh perjanjian perkhidmatan secara dalam talian pembaharuan PLKS antara KDN dengan syarikat perkhidmatan berkenaan adalah dari Mei 2015 hingga Mei 2020. KDN mengemukakan permohonan perlanjutan perjanjian kepada Kementerian Kewangan pada 20 Mei 2020.

"Kementerian Kewangan pada 12 Jun 2020 meluluskan permohonan berkenaan bagi tempoh tiga tahun mulai 23 Mei 2020 hingga 22 Mei 2023. Namun, semakan audit mendapati perjanjian tambahan belum dimuktamadkan," menurut laporan itu.

BERNAMA

BERITA HARIAN/29 OKTOBER
2021/M.S. 4

Faedah pelaburan penyumbang utama hasil bukan cukai

Kuala Lumpur: Faedah dan perolehan daripada pelaburan adalah penyumbang utama bagi hasil bukan cukai bagi 2020, iaitu berjumlah RM46.07 bilion atau 74.2 peratus daripada keseluruhan hasil bukan cukai.

Amaun ini berkurangan sebanyak RM13.99 bilion atau 23.3 peratus berbanding RM60.06 bilion pada 2019.

"Pengurangan ini disebabkan terimaan dividen lebih rendah daripada syarikat Petroliaam Nasional Bhd (PETRONAS) iaitu sebanyak RM34 bilion berbanding RM54 bilion pada 2019," kata laporan itu.

Laporan Ketua Audit Negara(LKAN) 2020 berkata, pada 2020, sejumlah RM6.05 bilion premium bersih daripada terbitan pinjaman Persekutuan dalam akaun penyelesaian premium/diskaun sekuriti kerajaan dipindahkan ke akaun hasil bukan cukai di bawah faedah dan perolehan daripada pelaburan.

Premium yang dipindahkan itu adalah bagi pinjaman yang diterbitkan pada 2017, 2019 dan sebahagian 2020.

Selain itu, lesen, bayaran pendaftaran dan permit menjadi penyumbang kedua terbesar bagi hasil bukan cukai.

"Penurunan hasil di bawah kategori ini adalah disebabkan oleh pengurangan terimaan royalti petroleum sejumlah RM1.58 bilion menjadi RM4.20 bilion pada 2020 berbanding RM5.78 bilion pada 2019.

"Prestasi perbelanjaan sebenar berjumlah RM224.60 bilion atau 99.1 peratus iaitu menurun RM38.74 bilion atau 14.7 peratus berbanding RM263.34 bilion pada 2019.

"Perbelanjaan emolumen berjumlah RM82.99 bilion berbanding RM80.53 bilion pada 2019 iaitu peningkatan sejumlah RM2.46 bilion atau 3.1 peratus," katanya.

Sementara itu, sejumlah RM61.07 bilion dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan, manakala RM38.02 bilion dipindahkan ke Kumpulan Wang COVID-19.

Analisis Audit terhadap pinjaman kasar berjumlah RM194.55 bilion yang diterima pada 2020 mendapati sejumlah RM98.06 bilion atau 50.4 peratus daripadanya digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang pada 2020.

Bayaran balik prinsipal meningkat sejumlah RM15.00 bilion atau 18.1 peratus berbanding 2019, berjumlah RM83.050 bilion.

Sejumlah RM97.73 bilion atau 99.7 peratus adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri, manakala RM0.33 bilion atau 0.3 peratus adalah bayaran balik hutang luar negeri. BERNAMA